

CABARAN GURU KELAS AGAMA FARDU AIN SEKOLAH RENDAH AGAMA DALAM PEMBELAJARAN TULISAN JAWI

Nur Farah Dina Mohamad¹ & Harun Baharudin²

Fakulti Pendidikan, Universiti kebangsaan Malaysia¹

*Pusat Kajian Kepelbagaian Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti kebangsaan Malaysia²
nur.farah.dina.mohamad@gmail.com¹ & harunbaharudin@ukm.edu.my²*

ABSTRACT

In Malaysia, Jawi writing is an important writing in Islamic Education because this writing is used in the Islamic Education system. And Islamic education is one of the most important educations in the Islamic religious system in Malaysia. Jawi Zaaba is one of the types of Jawi that has become the modern Jawi that dominates the Jawi spelling system in the 21st century. Therefore, the teacher's role in maintaining Jawi writing and developing Jawi reading skills is very important. Accordingly, the objective of this article is to explore the challenges of KAFA teachers in learning Jawi. The study of this article uses qualitative research as a research method. The methodology used is interviews and document analysis. Data was recorded throughout the study by involving 2 KAFA teachers. The findings of the study show that there are seven themes of KAFA teachers' challenges in teaching Javanese subjects in meeting the needs of the 21st century, namely Javanese writing, Javanese syllabus, student readiness in PdPc, KAFA teachers' background, KAFA teachers' knowledge in Javanese subjects, PdPc period of Javanese subjects and actions students in the subject Jawi. The implications of this study can benefit KAFA teachers who have just become Jawi subject teachers to ensure that students do not drop out in the development of Jawi writing. In addition, this study can give an impression to all parties that there are many challenges for KAFA teachers in helping students succeed in school and that KAFA teachers overcome them without avoiding them.

Keywords: Islamic Education Teacher, Religious Primary School, Fardhu Ain Religious Class (KAFA), Jawi Writing, 21st century Education

ABSTRAK

Di Malaysia, tulisan Jawi merupakan tulisan yang penting dalam Pendidikan Islam kerana tulisan ini diguna pakai dalam sistem Pendidikan Islam. Jawi Zaaba antara jenis tulisan Jawi yang menjadi Jawi moden di masa kini yang mendominasi sistem ejaan Jawi di abad ke-21. Oleh itu, peranan guru dalam mengekalkan tulisan Jawi dan membina kemahiran membaca tulisan Jawi sangat penting. Objektif artikel ini ialah meneroka cabaran guru Kelas Agama Fardhu Ain (KAFA) dalam pembelajaran Jawi. Kajian artikel ini menggunakan kajian kes kajian dengan pendekatan kualitatif sebagai kaedah kajian. Metodologi yang digunakan ialah temu bual dan analisis dokumen. Data telah direkodkan sepanjang kajian dijalankan dengan melibatkan 2 orang guru KAFA. Dapatan kajian menunjukkan terdapat enam tema cabaran guru KAFA dalam pengajaran subjek Jawi dalam memenuhi keperluan abad ke-21 iaitu tulisan Jawi, kesediaan murid, latar belakang responden, pengetahuan guru KAFA dalam subjek Jawi, tempoh PdPc dan tindakan murid. Implikasi kajian ini dapat memberi manfaat kepada guru KAFA yang baru menjadi guru subjek Jawi bagi memastikan murid tidak keciciran dalam perkembangan tulisan Jawi. Selain itu, kajian ini dapat menunjukkan kepada semua pihak bahawa banyak cabaran guru KAFA dalam membantu murid berjaya di sekolah dan guru KAFA mengatasinya tanpa menghindarinya.

Kata kunci: Guru Pendidikan Islam, sekolah Rendah Agama, Kelas Agama Fardhu Ain (KAFA), Tulisan Jawi, Pendidikan abad ke-21

PENGENALAN

Di Malaysia, kesan Bahasa Melayu tulisan Jawi telah mencetuskan Pedoman ejaan Jawi yang disempurnakan (PEJD) yang merupakan kelahiran dari konvensyen tulisan Jawi tahun 1984 rentetan dari masalah buta Jawi hasil mengabaikan tulisan Jawi tahun 1960 di peringkat rendah dan menengah. Kajian-kajian lepas juga mendapati masih terdapat murid yang lemah dalam penguasaan Jawi (Naquiah dan Jimain, 2016; Nik Rosila, 2007). Menurut temu bual yang telah dijalankan, responden bersepakat bahawa kemampuan membaca dan menulis Jawi bergantung kepada tahap penguasaan pelajar (Amrina Rasyada dan Nik Md Saiful, 2020). Manakala, untuk meningkatkan kemampuan rakyat Malaysia dalam kemahiran membaca Jawi yang terdiri daripada murid sekolah guru Kelas Agama Fardu Ain (KAFA) Sekolah Rendah Agama (SRA) Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam pembelajaran Jawi di Malaysia. Guru KAFA SRA JAIS juga sebahagian guru pendidikan Islam di negeri Selangor yang menghadapi cabaran yang berbeza dengan sekolah kebangsaan yang mana guru KAFA SRA JAIS berhadapan dengan Jawi moden serentak dengan Jawi tradisional serta menyebabkan pelajar keliru dengan pengkaedahan Jawi tradisional dan Jawi moden (Mohd Eezan dan Shahlan, 2020). Perbezaan isi kandungan atau silibus subjek Jawi boleh dilihat di buku teks Sekolah Rendah Agama bawah JAIS dan sekolah kebangsaan.

Mengikut peredaran zaman tulisan Jawi yang menjadi komunikasi utama iaitu *lingua franca* di Tanah Melayu bertukar menjadi tulisan Rumi demi memudahkan urusan harian kerana di Tanah Melayu yang bertukar nama menjadi Malaysia terdapat pelbagai kaum. Antaranya Melayu, India, Cina dan Iban. Ini menjadikan tulisan Rumi ke hadapan dan tulisan Jawi tinggal ke belakang. Dalam sesetengah karya sastera sarjana Melayu, istilah Jawi bukan sahaja digunakan semata-mata untuk menunjukkan tulisan tetapi juga merujuk kepada bahasa (al-lughah dan al-lisan) (Kang Kyoung Seok dan Muhammad Syukri, 2015).

Tulisan Jawi penting kepada murid sekolah rendah yang beragama Islam dalam mencapai matlamat menjadi seorang yang berilmu bidang agama. Ini kerana sekolah agama menggunakan tulisan Jawi dalam pengajaran dan pembelajaran serta buku teks dan kebanyakan buku rujukan agama Islam. Penggunaan tulisan Jawi boleh di lihat dalam buku teks SRA JAIS. Sehubungan itu, peranan guru menjadi sumbangan terbesar dalam mengembalikan semula kegemilangan mahupun kemampuan rakyat Malaysia khususnya beragama Islam dapat membaca tulisan Jawi dan tidak menjadi buta Jawi seperti buta huruf. Guru KAFA merupakan pembimbing dalam mengenali tulisan Jawi yang mana tulisan Jawi diguna pakai dalam buku-buku Pendidikan Islam sama ada di peringkat negeri dan dalam negara. Pendidikan Islam menggunakan Bahasa Melayu yang memiliki dua tulisan iaitu tulisan Latin atau Rumi dan Jawi. Menurut Che Siah (2006), dalam kenyataan kata-kata aluan Sukatan Pelajaran Jawi Sekolah Rendah komponen dalam pelajaran Pendidikan Islam iaitu pelajaran Jawi. Ini membuktikan subjek Jawi merupakan sebahagian Pendidikan Islam.

Setiap zaman cabaran guru KAFA SRA hampir sama sahaja akan tetapi teknik dan kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdPc) berbeza bagi setiap guru KAFA SRA Hal ini berdasarkan pengalaman dan pembelajaran sepanjang proses menjadi guru dan semasa menjadi guru. Guru yang keluar dari pengajian pendidikan Islam tidak mengenali perubahan ejaan tulisan Jawi begitu juga guru keluaran diploma pendidikan tetapi berbeza guru yang berpengalaman mengajar walaupun selama setahun. Menurut Anas dalam Kurikulum Sekolah Rendah Agama (2017), antara cara membantu pelajar belajar Al-Quran adalah dengan menggunakan buku teks Jawi serta melalui proses pengajaran dan pembelajaran berasaskan Integrated And Holistic Education System (IHES)

mampu melahirkan generasi Al-Quran. Sehubungan itu, guru akan berusaha dan mengikuti perubahan dalam sistem ejaan Jawi demi agama Islam. Kesimpulannya cabaran guru KAFA SRA meluas dan perlu ditangani secara perlahan-perlahan.

TINJAUAN LITERATUR

Guru KAFA SRA Klang Selangor

Guru KAFA SRA di negeri Selangor merupakan lantikan dari JAIS. Rujukan guru KAFA di sekolah hanya buku teks subjek Jawi sebagai panduan PdPc akan tetapi panduan seterusnya hanya bengkel dan kursus di bawah kelola JAIS. Maka panduan guru KAFA sangat terhad dan guru KAFA juga dianggap boleh mengajar semua subjek di SRA. Pada tahun 1985, tindakan pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) di sekolah rendah agama ialah mewajibkan tulisan Jawi dan memperuntukkan waktu pengajaran Jawi pada peringkat darjah tiga sekolah rendah (Norhazliana et al., 2010).

Guru-guru KAFA berlatarbelakangkan pendidikan agama sebagai pendidikan asasi di peringkat diploma dan ijazah. Hal ini membuktikan guru KAFA bukan guru Bahasa Melayu. Maka PdPc subjek Jawi hanya terhad dengan sukatan tahun 1 hingga 6 sebagai rujukan kepada guru KAFA tanpa mengetahui berlakunya perubahan ejaan Jawi semasa ke semasa. Seperti Adi Yasran (2022) ketika di radio IKIM, tidak ada hamzah terapung iaitu hamzah tiga suku. Selain itu, maklumat berkaitan tulisan Jawi kurang didengari dalam kalangan pelajar universiti KAFA seperti Pedoman ejaan Jawi yang disempurnakan (PEJD). Yang mana PEJD merupakan kelahiran dari konvensyen tulisan Jawi tahun 1984 rentetan dari masalah buta Jawi hasil mengabaikan tulisan Jawi tahun 1960 di peringkat rendah dan menengah. Kajian Asyraf Ridwan, Berhanundin dan Norfadzilah (2018) menyatakan sesetengah guru GPI tidak menguasai kemahiran menulis Jawi dengan baik.

Walau bagaimanapun, tulisan Jawi merupakan sebahagian daripada Bahasa Melayu, maka teknik dan kaedah PdPc guru KAFA kebanyakannya menggunakan kaedah tradisional iaitu menyuap murid dengan kaedah dalam buku teks tanpa ada pelbagai aktiviti. Hal ini berlaku kerana guru KAFA bukan guru Bahasa Melayu menyebabkan guru KAFA hanya menganggap tulisan Jawi sebagai kaedah mengeja dan bukan sebahagian daripada bahasa. Selain itu, pengetahuan isi kandungan guru menurun dan kualiti mengajar kurang berkesan serta guru juga keliru disebabkan perubahan yang berlaku dalam sistem ejaan Jawi yang mana sentiasa berubah mengikut keadaan dan berlaku penambahan perkataan dalam Bahasa Melayu. Maka kajian oleh Asyraf Ridwan, Berhanundin, Norfadzilah (2018) menyatakan sesetengah guru GPI tidak menguasai kemahiran menulis Jawi dengan baik.

Pendidikan Islam merupakan subjek utama di sekolah agama dan sekolah kebangsaan (SK) bagi murid beragama Islam. Maka murid perlu belajar tulisan Jawi untuk membaca buku teks sebagai rujukan harian. Maka peranan guru KAFA diperluaskan selain dalam SRA. Bagi membantu murid mengenal perkataan yang berkaitan dengan agama Islam untuk memperkukuhkan pengetahuan bidang agama seperti membaca Al-Quran perlu mengenal huruf. Di Malaysia, Pendidikan Islam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) mengandungi subjek seperti Ulum Syariah yang terdiri daripada akidah, ibadat, serta akhlak Islamiyyah (Nur Masitah, 2016).

Kedudukan Tulisan Jawi

Bahasa Melayu ialah bahasa rasmi di Malaysia yang dahulunya dikenali sebagai Tanah Melayu kawasan di Nusantara. Bahasa Melayu menggunakan tulisan Jawi ketika agama Islam bertapak di Tanah Melayu untuk memudahkan orang Nusantara mempelajari agama Islam. Menurut Wan Ali (2006), sesiapa sahaja di Alam Melayu ini tanpa mengira etnik, perlu menguasai tulisan Jawi sekiranya mereka ingin meningkatkan ilmu, khususnya ilmu berkaitan dengan agama Islam.

Tulisan Jawi merupakan warisan tanah Melayu dan budaya melayu yang dikira sebagai khazanah yang sangat bernilai simbol tanah Melayu. Maka kedudukan tulisan Jawi bukan dikhususkan sebagai agama tetapi kaedah menimba ilmu dan simbol budaya. Tulisan Jawi atau khat adalah budaya masyarakat Melayu bukannya proses Islamisasi penganut agama lain (Eh Pon, 2020). Zaman bertukar zaman menyebabkan bahasa semakin berkembang. Terdapat perkataan baru seperti swafoto dalam Bahasa Melayu maka sistem ejaan Jawi tidak ketinggalan berubah juga. Perkembangan bahasa seiring dengan perkembangan sistem ejaan tulisan tidak ketinggalan tulisan Jawi yang mana sentiasa berubah dek perkembangan Bahasa Melayu.

Selain itu, tulisan Jawi hanya terhad dalam Pendidikan Islam di peringkat sekolah tadika, rendah dan menengah serta buku-buku lama. Akan tetapi tulisan Jawi berkait rapat dengan sumber rujukan agama Islam seperti Tafsir Ibn Khathir yang di tulis dalam Bahasa Arab. Maka guru perlu mengaplikasikan kaedah dan teknik PdPc secara dinamik supaya murid mengenali perkataan yang berkaitan dengan ajaran agama Islam seperti solat (صلاة). Solat (صلاة) bererti perbuatan seseorang dengan mengangkat takbiratul ihram sehingga salam. Sekiranya murid tidak memberi salam maka solat tidak sah. Demi meningkatkan pencapaian murid, guru perlu menekankan unsur inovasi dan kreativiti (Ong, Zamri dan Mohd Izham, 2019).

Sejarah pendidikan di Malaysia menunjukkan bahawa tulisan Jawi digunakan dalam buku-buku atau teks Pendidikan Islam (Muhammad Fuad dan Hafizhah, 2022). Oleh itu, tulisan Jawi berkait rapat dengan sumber dan rujukan agama Islam maka guru perlu aplikasikan kaedah dan teknik secara dinamik dan menambah PIK sendiri bagi mengekalkan kualiti PdPc. Di dalam buku teks SRA dan SK, tulisan Jawi digunakan sepenuhnya sebagai tulisan utama tanpa ada tulisan lain seperti buku teks Bahasa Arab. Menurut Mohd Fadli (2022), ramai juga yang menyatakan silibusnya pun terlalu tinggi. Penggunaan tulisan Jawi dalam buku teks di tahap satu menjadi isu bagi murid dan ibu bapa dalam menjadikan buku agama sekolah rendah sebagai rujukan.

Kesediaan Murid-Murid terhadap Subjek Jawi

Di peringkat sekolah tadika, guru hanya menekankan tulisan rumi dan hanya sedikit sahaja PdPc subjek Jawi. Hal ini memberi cabaran yang sangat besar kepada guru KAFA di peringkat sekolah rendah. Menurut Muhammad Fuad dan Hafizhah (2022) antara kelemahan murid di sekolah menengah dan rendah ialah murid kurang mahir membaca dan menulis Jawi sehinggakan tidak mampu membaca buku teks Pendidikan Islam yang ditulis dalam huruf Jawi. Ini membuktikan terdapat murid yang tidak menguasai asas Jawi dengan baik. Murid keliru dan mengakibatkan minat berkurangan dalam subjek Jawi rentetan perkembangan tulisan Jawi yang sentiasa berubah menyebabkan berlaku perubahan dalam sistem kaedah ejaan Jawi tanpa pengakhiran. Seperti dapatan kajian menunjukkan aspek perbezaan dan persamaan antara “ejaan Jawi lama” dengan ejaan Jawi dalam *Pelita Bahasa Melayu Penggal 1* (Sabariah, Nurul Fazlina dan Norhanishaa, 2021).

Selain itu, mungkin bermula daripada kaedah yang bercelaru dan kurang mantap serta tidak mesra pengguna yang menyebabkan mereka kurang berminat (Ab. Halim, 2018). Kesiediaan murid tadika ke alam sekolah rendah mempengaruhi pelajaran di tahun 1 sekolah rendah. Justeru itu, penguasaan murid dan ibubapa sebagai pembantu dalam kerja sekolah menjadi isu kerana tidak semua ibu bapa mahir tulisan Jawi serta murid yang kurang mahir ketika di peringkat 6 tahun menaiki sekolah rendah. Menurut Mohd Fadli (2022), murid tahun 1 majoriti langsung tak tahu baca Jawi.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan reka bentuk kajian kes dan data kajian diperoleh melalui temu bual separa berstruktur secara dalam talian. Manakala, kaedah analisis dokumen turut digunakan berpandukan silibus buku teks subjek Jawi. Kajian ini dijalankan

menggunakan reka bentuk kajian kes dan data dalam kajian ini juga diperoleh melalui temu bual separa berstruktur. Responden terdiri daripada dua orang Guru Kelas Agama Fardu Ain (KAFA) Sekolah Rendah Agama(SRA) Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Informan iaitu individu peserta responden dalam kajian ini yang menjadi pilihan ialah dua responden setelah berbincang dengan penyelia. Responden yang dipilih merupakan guru subjek tulisan Jawi.

Sehubungan itu, kajian ini menyediakan contoh inventori protokol temu bual yang disahkan oleh pakar bidang Pendidikan Islam dan pakar kajian kualitatif dalam mencapai kesesuaian dengan aspek yang dibincangkan dalam kajian ini. Kajian rintis turut dijalankan dalam memastikan kesesuaian aspek kajian. Kajian ini menyediakan kelengkapan khusus dalam melaksanakan proses pengumpulan data. Antara peralatan yang digunakan ialah laptop, dan set protokol temu bual. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan mengumpulkan data secara temu bual sebagai data utama dalam kajian ini.

Kaedah temu bual ialah dengan membuat temu janji secara atas talian menggunakan aplikasi *Zoom* dengan peserta kajian selepas berlaku persetujuan dalam melibatkan diri dalam kajian ini. Setelah tamat sesi temu bual, rakaman yang diambil melalui aplikasi perakam dalam telefon pintar dianalisis sekali lagi bagi menjaga kesahaan data yang dikumpul. Dan membuat transkripsi satu persatu bagi mengelakkan data tercicir sewaktu temu bual dijalankan.

DAPATAN KAJIAN

Latar Belakang Responden

Kajian yang dilaksanakan oleh kajian ini melibatkan dua orang responden dari dua buah SRA Klang Selangor iaitu SRA Pulau Indah dan SRA Bukit Kapar Barat. Dua orang GPI yang menjadi responden kajian akan dirujuk sebagai G1 dan G2.

Jadual 1: Profil Responden

Peserta Kajian	Jantina	Umur	Akademik	Pengalaman	Tempat Bertugas	Jawatan
G1	Perempuan	50 tahun	Diploma Pendidikan (Maktab Perguruan Bangi).	20 tahun	SRA Bukit Kapar Barat	1. Guru Hem 2. Guru Yang Terlibat Pembinaan Soalan Peperiksaan Jawi 3. Guru Subjek Jawi Tahap 2
G2	Lelaki	31 tahun	1. Pengajian Ijazah Usuluddin dan Multimedia 2. DPLI UPSI	7 tahun	SRA Pulau Indah	1. Setiausaha UPKK 2. Guru Subjek Jawi

Cabaran utama guru KAFA ialah latar belakang pendidikan. Pendidikan yang di ambil adalah diploma pendidikan bukan pengajian Bahasa Melayu memberi kesan sedikit sebanyak dalam PdPc yang mana tidak di ajar sistem ejaan Bahasa Melayu kerana tulisan Jawi sebahagian Bahasa Melayu. Dapatan kajian mendapati kedua-dua guru KAFA, G1 dan G2 tidak memiliki pendidikan dalam pengajian bahasa melayu.

Akan tetapi Mereka memiliki diploma pendidikan (G1/G2); “*pendidikan saya adalah diploma pendidikan...*”

Pengetahuan Guru Kafa dalam Subjek Jawi

Guru Kafa di bawah JAIS mampu mengajar dalam semua subjek termasuk subjek Jawi yang asas sahaja seperti padanan huruf. Akan tetapi bagi guru yang tidak pernah menjadi guru subjek Jawi setelah menjadi guru Kafa, guru tersebut tidak akan faham Jawi Kini atau Moden. walaupun diberi pendedahan ejaan Jawi kini guru tersebut tidak faham sepenuhnya.

G1 menjelaskan; *“guru pun kalau tak mengajar dia takkan faham walaupun di beri pendedahan tentang Jawi baru sebab kadang- kadang dia orang tak amalkan dalam kelas.”*

Maka dari rentetan itu, guru Kafa yang mengikuti bengkel Jawi akan terjadi dua kesimpulan terhadap guru tersebut iaitu guru semakin mengamalkan atau tidak mengamalkan pengetahuan itu. Maka pengetahuan itu akan terlupa dari ingatan saban hari.

G1 berpendapat berdasarkan pengalaman; *“bila guru tidak amalkan. Maka Bila dia orang mengajar, BBM pun kadang salah.”*

Justeru itu, G1 menjelaskan guru Kafa perlu menghadiri kursus dan bengkel Jawi bagi menambah pengetahuan perkembangan tulisan Jawi yang saban tahun sentiasa berubah bagi mengelakkan PdPc tidak berkesan (G1); *“Apabila seorang guru itu ditugaskan mengajar Jawi, mereka kurang mahir dalam kaedah Jawi baru kerana jika tiada pendedahan dan pemahaman yang betul, guru tidak dapat menguasai ilmu Jawi itu dan tidak dapat mengajar dengan berkesan.”*

Cabaran Guru Kafa dalam Subjek Jawi

Tulisan Jawi

Tulisan Jawi merupakan isu utama dalam kajian ini akan tetapi ia juga menjadi cabaran kepada guru Kafa. Penggunaan tulisan Jawi mudah didapati dalam buku agama dan sekolah agama iaitu bidang pendidikan.

Hujah G1 dan G2; *“Penggunaan tulisan rumi sebagai tulisan rasmi dan tulisan yang lebih banyak digunakan dalam kehidupan seharian berbanding tulisan Jawi yang jarang dijumpai.”*

Selain itu, G1 menjelaskan sekiranya guru tidak turun mengajar dalam subjek Jawi, guru itu tidak akan faham termasuk juga murid. Guru mahupun murid yang tidak masuk sekolah agama tidak akan didedahkan secara keseluruhan tentang Jawi moden atau ejaan Jawi kini.

G1 menjelaskan; *“Tulisan Jawi hanya diperkenalkan sekiranya guru dan murid masuk ke sekolah agama atau pra-sekolah yang mengajar Jawi.”*

Berdasarkan analisis dokumen, isi kandungan buku teks SRA tahap 2 sangat mencabar. GI setuju bahawa silibus tahap 2 sangat mencabar kerana kaedah tahap 2 lebih kepada kaedah baru iaitu Jawi moden (G1); *“silibus subjek Jawi tahap sekolah rendah ni sebenarnya agak mencabar lah bagi murid. Murid tahap satu lebih kepada asas dan tahap dua lebih kepada ejaan Jawi kini.”*

Kesediaan Murid

Berdasarkan pengalaman G2, murid menghadapi masalah asas Jawi seperti pecahan suku kata dalam subjek Jawi.

Menurut G2 kesukaran murid dalam kefahaman dan melaksanakan latihan yang diberi menjadi cabaran dalam PdPc subjek Jawi; “*kesukaran murid untuk menguasai asas dalam perkataan Jawi iaitu padanan huruf, penentuan kata dasar, pecahan suku kata.*”

Rentetan daripada cabaran itu, murid kurang menguasai padanan huruf dalam subjek Jawi akan menyebabkan masalah kepada murid itu sendiri dan juga guru KAFA subjek Jawi dalam meneruskan PdPc tajuk baru dan murid akan menghadapi masalah ketinggalan pelajaran (G2); “*Sekiranya murid tidak dapat menguasai 3 perkara tersebut akan menjadi masalah besar untuk perbincangan topik lain dalam silibus Jawi.*”

Selain itu, pengalaman G1 di SRA menghadapi murid yang terlalu lama dengan padanan huruf di tahap 1 sehinggakan penerimaan murid terhadap silibus tahap 2 kurang memuaskan sehingga mengelirukan murid.

Murid tidak dapat mengikut kaedah tahap 2 dengan baik. G1 menerangkan; “*Sebab bila kita bagi latihan murid dia masih lagi terikat dengan cara lama (padanan huruf).*”

Kenyataan G1 berdasarkan pengalaman ialah murid tidak berjaya menguasai asas subjek Jawi kerana murid kurang membaca dalam tulisan Jawi. Maka pembacaan murid kurang mahir dan pembacaan buku sekolah agama tidak lancar. Tambahan pula, dalam kehidupan harian mereka tulisan rumi menjadi tulisan utama berbanding tulisan Jawi seperti dalam *game* dan *phone*.

Maka hujah G1; “*sebab Murid tak banyak membaca Jawi, pendedahan perkataan Jawi.*”

Kesediaan murid dalam tulisan Jawi sangat mempengaruhi kesediaan murid di sekolah agama atau pembacaan buku tulisan Jawi.

Berdasarkan sesi temu bual G1 dan G2, mereka bersetuju kesediaan murid itu penting (G1/G2); “*Kesediaan murid dalam subjek Jawi sangat mempengaruhi tahap kemahiran membaca Jawi di sekolah.*”

Tulisan Jawi menjadi tulisan semua subjek di sekolah agama, maka sekiranya murid tidak mahir membaca dan menulis Jawi guru KAFA semua subjek akan menghadapi cabaran termasuk murid dan ibubapa sekiranya tugas perlu dibawa pulang.

Hujah G2; “*Bahkan boleh menyebabkan subjek lain seperti sirah, tauhid, feqah, adab menjadi bermasalah kerana tidak memahami konten pelajaran akibat disebabkan kemahiran kurang dari sudut membaca serta menulis Jawi.*”

Tempoh Pembelajaran dan Pengajaran (PdPc)

Di SRA subjek Jawi berkongsi tempoh masa dengan subjek lain dalam tempoh 5 hari sekolah seperti subjek sirah maka tempoh PdPc subjek dibahagikan mengikut keutamaan. Disebabkan itu subjek Jawi mendapat tempoh PdPc yang singkat tidak sama dengan subjek lain.

Hujah G1; “*Jadi dalam satu minggu tu satu kelas satu masa.*”

Rentetan daripada tempoh yang singkat, guru telah memberikan kerja sekolah maka peranan ibu bapa penting dalam kesediaan murid terhadap PdPc subjek Jawi. Setiap subjek pasti ada kerja sekolah atau latihan tambahan untuk memantapkan kemahiran murid. Tulisan Jawi merupakan tulisan utama dalam SRA maka kerja sekolah pasti dalam tulisan Jawi. Sekiranya ibubapa tidak tahu atau kurang mahir tulisan Jawi maka murid tidak mampu menyiapkan kerja sekolah dan meningkatkan kemahiran dalam subjek Jawi.

G1 berpendapat; *“bila diberi kerja sekolah buat di rumah sebahagian ibubapa tidak mahir dalam tulisan Jawi untuk membantu murid menyiapkan kerja sekolah.”*

Justeru itu, G1 menjelaskan guru Kafa perlu menghadiri kursus dan bengkel Jawi bagi menambah pengetahuan perkembangan tulisan Jawi yang saban tahun sentiasa berubah bagi mengelakkan PdPc tidak berkesan (G1); *“Apabila seorang guru itu ditugaskan mengajar Jawi, mereka kurang mahir dalam kaedah Jawi baru kerana jika tiada pendedahan dan pemahaman yang betul, guru tidak dapat menguasai ilmu Jawi itu dan tidak dapat mengajar dengan berkesan.”*

Sikap Murid

Sikap merupakan kelakuan murid dan ia mempengaruhi motivasi murid di dalam PdPc subjek Jawi. Ketika di tahap 1 murid didedahkan dengan padanan huruf dalam tempoh yang lama. Maka dalam penerimaan murid terhadap silibus tahap 2 yang lebih kepada kaedah ejaan Jawi baru dan terkini menyebabkan murid menjadi lemah dan tidak menguasai tulisan Jawi.

Hujah G1; *“Murid juga kurang berminat untuk membaca dan menulis Jawi dalam kehidupan seharian, hal ini dapat dilihat dalam aktiviti membaca dan mengarang dalam tulisan Jawi.”*

PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Kekangan Guru Kafa

Hasil dapatan kajian mendapati latar belakang guru menjadi salah satu cabaran guru. Contohnya, kedua-dua responden adalah lepasan dari pengajian diploma pendidikan bukan pengajian bahasa Melayu. Guru bahasa Melayu dilatih dengan sistem ejaan seperti pecahan suku kata dan jenis-jenis ayat. Akan tetapi kedua-dua responden tidak belajar sistem ejaan bahasa Melayu di pengajian diploma pendidikan menyebabkan berlaku kekeliruan dalam pecahan suku kata serta membezakan jenis-jenis ayat.

G1 berpendapat sekiranya guru tidak amalkan ilmu sesudah bengkel dan tidak mengajar subjek Jawi maka guru itu tidak tahu kaedah Jawi moden mengikut perkembangan tulisan Jawi. Tulisan Jawi sentiasa berubah maka guru perlu cakna dengan perubahan yang berlaku seperti penggunaan hamzah tiga suku dalam silibus tahun 4. Menurut Adi Yasran (2022) ketika di radio IKIM, tidak ada hamzah terapung iaitu hamzah tiga suku.

Selain itu, kajian mendapati G1 terpaksa mengejar silibus bagi memenuhi peranan sebagai guru disebabkan tugas luar sekolah seperti ahli pembuat kertas soalan peperiksaan. Di sini guru terpaksa menjalankan tugas dengan terurus dan tersusun bagi mengelakkan PdPc tidak dijalankan dan murid kecikiran. Maka kekangan G1 sebagai guru dan ahli tidak dapat dipisahkan.

Kekangan Murid

Dapatan kajian mendapati murid kurang menguasai subjek Jawi disebabkan faktor guru, murid dan persekitarannya. Dapatan kajian mendapati murid secara umum menghadapi masalah kemahiran. Menurut Amrina Rasyada dan Nik Md Saiful (2019) kajian temu bual yang telah dijalankan, responden bersetuju bahawa tahap penguasaan pelajar kesan daripada kemampuan membaca dan menulis Jawi. Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Naquiah dan Jimain (2017), mendapati Pengetahuan isi kandungan (PIK) mempengaruhi PdPc guru dan keberkesanan kepada murid. Tambahan pula, dapatan kajian juga mendapati tidak semua ibu bapa mahir dalam subjek Jawi.

Tulisan Jawi

Tulisan Jawi sentiasa menjadi cabaran bagi guru KAFA kerana tulisan Jawi kebanyakan digunakan dalam bidang pendidikan sahaja. Di sektor pendidikan, tulisan Jawi banyak digunakan dalam Pendidikan Islam terutama buku teks (Muhammad Fuad dan Hafizhah, 2022). Tulisan Jawi bertukar kepada tulisan Rumi. Kajian Mohammad dan Gholam (2018) mengkaji bahasa asal dan penulisan Parsi bertukar ke tulisan Latin. Bagaimana usaha guru KAFA membantu murid mengenali Jawi tradisional campur Jawi moden tanpa memilih kasih dalam PdPc. Guru melaksanakan pengukuhan yang berulang-ulang bagi memberi kefahaman kepada murid. Dapatan kajian mendapati G1 dan G2 menggunakan teknik pengulangan bagi menghadapi kekeliruan antara Jawi lama dengan Jawi moden.

Cabaran Guru KAFA dalam Subjek Jawi

Hasil dapatan kajian berdasarkan data temu bual dan analisis dokumen mendapati cabaran guru KAFA akan berterusan tanpa pengakhiran. Akan tetapi guru KAFA perlu meningkatkan lagi teknik dan kaedah PdPc bagi mengatasi cabaran yang dihadapi. Usaha yang dilakukan mampu mengurangkan cabaran yang dihadapi. Kajian ini juga menunjukkan cabaran yang dihadapi oleh guru KAFA dalam melaksanakan PdPc datang dari pelbagai sudut termasuk murid dan guru. Maka cabaran ini akan mendatangkan kesan yang besar dalam PdPc guru KAFA itu sendiri. Kajian yang dijalankan oleh Naquiah dan Jimain (2017), mendapati Pengetahuan isi kandungan (PIK) mempengaruhi PdPc guru dan keberkesanan kepada murid.

Dapatan kajian mendapati cabaran guru KAFA dalam perkembangan tulisan Jawi tidak pernah ada pengakhiran disebabkan tulisan Jawi sentiasa berubah saban hari. G1 dan G2 berpendapat seorang guru KAFA perlu sentiasa ada rujukan dalam subjek Jawi. Maka guru yang kurang mahir atau tidak memiliki pengetahuan perkembangan tulisan Jawi sangat di alu-alukan menyertai bengkel dan kursus bagi menambah pengetahuan isi kandungan (PIK) perkembangan tulisan Jawi. Menurut Muhammad Fuad & Hafizhah (2022), dengan program seperti bengkel, seminar dan latihan mampu menambah baik PIK. Memiliki pengetahuan yang mendalam keperluan seorang guru dalam subjek yang diajar (Ab.Halim dan Mohamad Khairul Azman, 2010).

Selain itu, bagi mengekalkan murid terus minat subjek Jawi, guru perlu menggunakan pola atau amalan PdPc. Dalam PdPc terdapat pola amalan pengajaran yang dikaji oleh Asmaniza (2016) dalam kajiannya. Peranan pola amalan pengajaran berteraskan Mudarris sangat penting dalam PdPc untuk menghasilkan PdPc yang berkualiti, berkesan dan bermakna. Pelbagai aktiviti boleh di susun dan menampung kelonggan yang berlaku sebelum PdPc bagi mengelak murid bosan dan bising di kelas. G2 merancang RPH dalam PdPc subjek Jawi untuk menjadikan PdPc terkawal dan lebih efektif.

Guru KAFA juga boleh menggunakan pelbagai teknik dan kaedah bagi menangani cabaran dari sudut murid. Kajian Aliamat (2014) memperlihatkan negara Brunei dalam memperkasakan pemikiran Iventif dalam Bahasa Melayu. Harapan kajian ini adalah dapat membantu guru dalam memenuhi keperluan abad ke-21 dalam melahirkan murid yang berfikiran positif dan mampu berdaya saing secara sihat. Amalan pengajaran ini di diharapkan dapat mengembangkan generasi murid yang berfikiran kritis dalam semua subjek di sekolah mahupun masalah yang dihadapi.

Selain itu, apabila di teliti dapatan yang diperolehi, terdapat banyak cabaran yang berbeza dan ada juga yang hampir sama dengan G1 dan G2. Tempoh PdPc yang tidak mencukupi sangat tidak membantu dalam penguasaan penulisan Jawi dalam kalangan murid yang mana 1 kelas zaman kini terdapat lebih dari 30 murid yang perlu guru KAFA SRA bantu dalam subjek yang di ajar. Sistem yang hanya memberi subjek Jawi sedikit masa sangat tidak membantu dalam penguasaan penulisan Jawi ataupun subjek Jawi. Guru terpaksa mengejar silibus dan membantu

murid yang lemah dalam 1 masa yang singkat. Maka terjadilah tutup mata sebelah bagi murid yang lemah ketika hampir peperiksaan atau serahkan murid yang lemah ke kelas pemulihan yang dikendalikan oleh guru pemulihan.

Justeru itu, kemahiran murid di tahap 1 sangat membantu guru sekiranya murid menguasai bacaan tulisan Jawi dan mengenal huruf Jawi. Akan tetapi sekiranya berlaku sebaliknya maka beban yang sangat berat untuk guru kerana guru juga perlu mengejar silibus subjek. Mengetahui asas Jawi sangat penting bagi murid dan guru dalam kehidupan seharian di sekolah. Berdasarkan dapatan kajian dan analisis dokumen mendapati silibus tahap 2 sangat mencabar kerana melibatkan kaedah Jawi moden.

PENUTUP

Kajian ini menunjukkan terdapat pelbagai cabaran dalam subjek Jawi terhadap guru KAFA. Dengan mengetahui cabaran ini, maka guru mampu melaksanakan langkah-langkah pengurangan cabaran pada masa akan datang dan mempersiapkan mental serta fizikal. Kerana masalah tulisan Jawi tidak ada pengakhiran. Pengkaji mencadangkan kajian lanjutan tahap penggunaan teknik dan kaedah PdPc bagi mengurangkan cabaran Guru KAFA dalam subjek Jawi kerana semua guru KAFA pasti akan terlibat dalam subjek Jawi. Tambahan pula, subjek agama di SRA menggunakan tulisan Jawi dan akan datang buku teks akan diganti baru mengikut perkembangan tulisan Jawi.

RUJUKAN

- Ab. Halim Mohamad & Mohd Azidan Abdul Jabar. 2018. *Penggunaan konsonan [ڤ, ج, ڤ] dalam sistem tulisan Jawi dalam kalangan pelajar Universiti Putra Malaysia*. MAHAWANGSA, 5 (2): 495 – 504.
- Ab. Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ajuhary. 2010. *Amalan pengajaran guru Pendidikan Islam berkesan berteraskan konsep Mu'allim*. JIAE: Journal of Islamic and Arabic Education, 2 (1): 43-56.
- Adi Yasran bin Abdul Aziz. 2022. *Tiada lagi Hamzah Tiga Suku?. No more Hamzah Three-Quarters?*. Klinik Jawi. <https://www.youtube.com/watch?v=zLPTDng1XcE>.
- Aliamat Omar Ali. 2014. *Pemeriksaan Pemikiran Inventif di Negara Brunei Darussalam: Satu percubaan awal pengajaran dan pembelajarannya dalam mata pelajaran Bahasa Melayu*. Procedia - Social and Behavioral Sciences, 134:416–425.
- Amrina Rasyada Kamaruzaman & Nik Md Saiful Azizi Nik Abdullah. 2020. *Penulisan Jawi dalam mata pelajaran Pendidikan Al-Quran Dan Al-Sunnah di peringkat menengah: Isu dan cabaran*. Jurnal KIAS, 14(1): 1 – 30.
- Asmaniza Mamat. 2016. *Pola amalan pengajaran guru pendidikan Islam prasekolah berteraskan konsep mudarris di Putrajaya*. Disertasi Sarjana. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Asyraf Ridwan Ali, Berhanundin Abdullah & Norfadzilah Rashid. 2018. *An Error Analysis Approach in Identifying the Patterns of Mistakes in Jawi Spelling*. International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences, 8(11): 1222–1231.
- Che Siah Che Man. 2006. *Pendekatan Pengajian Jawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Eh Pon Awang Din. 2020. *Tulisan Jawi Adalah Budaya Bukan Agama*. Editor: Arrazaq Nazri. Kuala Lumpur: Bebas News. <https://bebasnews.my/2020/11/25/tulisan-Jawi-adalah-budaya-bukan-agama/>.
- Kang Kyoung Seok & Muhammad Syukri Rosli. 2015. *Pengantar Ilmu Jawi*. Kuala Lumpur: klasika media.

- Kurikulum Sekolah Rendah Agama. 2017. *Jawi Tahun 1*. Pendidikan Islam. Selangor: Jabatan Agama Islam Selangor.
- Mohammadreza Majidi & Gholamreza Khademi. 2018. *Change and replacement of the alphabet of the ancestors (Farsi) in and after the Soviet Era in Tajikistan*. Journal of Central Eurasia Studies and the Iranian of Regional Studies Association (IRSA), 11(2): 469-489.
- Mohd Eezan Hamdzah & Shahlan Surat 2020. *Pemupukan minat terhadap Jawi dalam kalangan murid sekolah rendah*. Jurnal Personalia Pelajar, 23(2): 103-109.
- Mohd Fadli Salleh. 2022. *Darjah 1 dah belajar tajwid, guna tulisan Jawi sepenuhnya, silibus Pendidikan Islam terlalu tinggi*. Malaysia Dateline. <https://malaysiadateline.com/darjah-1-dah-belajar-tajwid-guna-tulisan-Jawi-sepenuhnya-silibus-pendidikan-islam-terlalu-tinggi/>.
- Muhammad Fuad Ahmad Tajuddin & Hafizhah Zulkifli. 2022. *Faktor-Faktor yang mempengaruhi penguasaan Pengetahuan Isi Kandungan (PIK) bidang Jawi dalam kalangan guru Pendidikan Islam*. International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE), 2(1): 56-72.
- Naquiah Nahar & Jimain Safar. 2016. *Amalan pengajaran Jawi dalam pendidikan masa kini: Suatu Tinjauan*. Tinta Artikulasi Membina Ummah, 2(2): 70-85.
- Naquiah Nahar & Jimaain Safar. 2017. *Penguasaan Pengetahuan Kandungan (Content Knowledge): Pemangkin keterampilan pedagogi Jawi berkesan abad Ke-21*. Jurnal Teknikal & Sains Sosial, 8(1): 45-59.
- Nik Rosila Nik Yaacob. 2007. *Penguasaan Jawi dan hubungannya dengan minat dan pencapaian pelajar dalam Pendidikan Islam*. Jurnal Pendidik dan Pendidikan, 22: 161-172.
- Norhazliana Mohd Hassan Abdullah. 2010. *Isu kritikal penggunaan tulisan Jawi dalam pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam peringkat sekolah menengah: Pandangan pakar*. Disertasi Sarjana. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Nur Masitah Mazlan. 2016. *Pengajaran dan amalan guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di daerah Temerloh, Pahang*. Disertasi Sarjana. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Ong Sze Chong, Zamri Mahamod & Mohd Izham Mohd Hamzah. 2019. *Guru Cemerlang*. Bangi: Penerbit UKM.
- Sabariah Sulaiman, Nurul Fazlina Md Rodi & Norhanishaa Haris. 2021. *Analisis sistem ejaan Jawi Za'ba dalam Pelita Bahasa Melayu penggal 1*. UFUQ International Journal of Arts and Social Science Research, 1(3): 25-39.
- Wan Ali Wan Mamat. 2006. *Sejarah dan Pertumbuhan Skrip Jawi. Tulisan Jawi Sehimpuan Kajian*. UiTM: Shah Alam.